Siaran Akhbar
Petaling Jaya, Selangor (07 Julai 2022)

SIDANG MEDIA DEWI REMAJA 2022
Sesi Pengenalan Finalis Pencarian Dewi Remaja Edisi ke-12

Setelah dua bulan berlalu sejak sesi uji bakat dilangsungkan, 16 orang finalis telahpun diumumkan sebagai peserta pencarian Dewi Remaja 2022. Menerusi sebuah sidang media yang dilangsungkan pada 7 Julai 2022 (Khamis) bertempat di Z Botanica by Nicsmann One Utama, kesemua finalis telah diperkenalkan satu-persatu kepada rakan media, rakan selebriti dan penonton yang mengikuti sidang media secara langsung menerusi aplikasi media sosial rasmi Majalah Remaja.

Buat julung kalinya juga, pencarian Dewi Remaja 2022 memperkenalkan hos tetap, Fikry Ibrahim dan juri tetap, Rozita Che Wan. Fikry Ibrahim dipilih atas kriteria karisma, kebolehan mengendalikan program televisyen realiti dan pakej yang ditampilkan bersesuaian dengan imej program.

Manakala, pemilihan Rozita Che Wan sebagai juri tetap tunggal pada musim ini menyuntik satu kelainan memandangkan ini merupakan kali pertama beliau diberikan tugas tersebut. Rozita Che Wan merupakan salah seorang finalis pada edisi pencarian Dewi Remaja 1994/1995 yang dimenangi oleh Wan Khatijah Wan Othman dan sejak itu telah meletakkan jenamanya sebagai pelakon, pengacara, usahawanita dan jurucakap produk terkenal di Malaysia.

Pemilihan 16 orang finalis pada edisi kali ini juga memastikan saingan menjadi lebih sengit di samping memberi pilihan yang lebih luas buat juri tetap dan juri jemputan pada setiap minggu. Masing-masing memiliki keperibadian dan latar belakang yang pelbagai, karakter menarik untuk ditonjol dan potensi tinggi bagi diangkat sebagai wajah baharu yang mewakili remaja Malaysia dalam industri hiburan tanah air mahupun lapangan lain yang ingin mereka ceburi.

Mereka dipilih menerusi empat sesi uji bakat yang telah diadakan sepanjang bulan Mac lalu iaitu di Johor, Sabah, Pulau Pinang dan Selangor. Penganjuran uji bakat Dewi Remaja 2022 di lokasi berbeza itu telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 500 peserta tempatan mahupun antarabangsa dari segenap Malaysia.

Menurut Fiezreen Ahmad selaku Editor Pengurusan REMAJA, pencarian Dewi Remaja 2022 dijangka akan memberi impak berbeza disebabkan kekuatan pada pemilihan finalisnya.

"Dewi Remaja memiliki sejarah yang panjang di Malaysia. Bermula sejak tahun 1985 lagi, pencarian ini telah melahirkan banyak nama besar dalam industri seni hiburan tanah air. Tahun ini setelah tiga tahun berlalu, Dewi Remaja tampil berbeza menerusi pemilihan yang diadakan secara lebih meluas.

"Setelah menjelajah ke Johor, Sabah, Pulau Pinang dan Selangor, maka kami persembahkan 16 gadis yang terbaik untuk berada dalam rancangan ini sekaligus merebut gelaran Dewi Remaja yang ke-11. Menariknya kali ini, finalis Dewi Remaja 2022 menampilkan peserta yang lebih diversiti.

"Dengan tampilan 16 finalis bermakna persaingan bakal menjadi lebih sengit sepanjang lapan minggu mereka bertanding. Setiap cabaran yang bakal finalis lalui dalam pertandingan mempersiapkan diri mereka agar mampu memberi impak sebagaimana juara sebelum ini sekaligus meneruskan legasi kecemerlangan jenama Dewi Remaja. Terlebih dahulu sebelum ini ketika sesi uji bakat mereka telah

di uji menerusi segmen komunikasi, bakat dan juga pengetahuan am sebelum disenarai pendek, " kongsi Fiezreen.

Pengurus Saluran Astro Ria, Idlan Zahari berkata, *"Setelah 3 tahun dikekang oleh pandemik, Astro menyambut baik inisiatif penganjuran program 'Dewi Remaja' untuk kali ke-12 yang mengiktiraf potensi bakat luar biasa kaum wanita dalam pesada dunia hiburan. Dewi Remaja kembali dengan lebih pengisian menarik termasuk cabaran-cabaran yang menguji ilmu dan versatiliti para peserta. Kami turut teruja untuk meneruskan peranan kami sebagai platform yang mampu menyerlahkan bakat-bakat wanita khususnya golongan muda yang penuh dengan keazaman dan semangat gigih untuk mengecapi cita-cita mereka.*

Sebagai peneraju utama kandungan hiburan tempatan, Dewi Remaja dilihat memberi impak yang sangat besar dalam industri lebih-lebih lagi dalam mengangkat martabat wanita muda. Untuk meneruskan legasi Dewi Remaja, platform pencarian seumpama ini juga berupaya meningkatkan keyakinan setiap wanita yang pastinya ada impian untuk berjaya dan menyerlahkan bakat terpendam dalam apa jua bidang yang diceburi terutamanya bidang hiburan.

Semoga penganjuran Dewi Remaja pada tahun ini dapat mengukuhkan lagi kedudukan Astro dalam penerbitan program realiti berkualiti tinggi dan sebagai sebuah platform pencarian bakat komersial yang sekaligus mampu meneruskan legasi kecemerlangan jenama kandungan harta intelek lain seperti Hero Remaja"

Berikut merupakan 16 orang peserta telah terpilih sebagai finalis pencarian Dewi Remaja 2022.

NO.	FINALIS DEWI REMAJA 2022	UMUR	NEGERI ASAL	AKAUN INSTAGRAM
1	Siti Auni Safiya Binti Yusri	22	Selangor	@auniyusrii
2	Fifi Filan Tisya Binti Mohd Zain	20	Pulau Pinang	@miss_fififilan
3	Keeranjit Kaur A/P Darjit Singh	25	Pahang	@keeranpraval
4	Nurshafeera Reezlyn Bt Shamsul Azhar	18	Pulau Pinang	@reezlynshafeera
5	Dina Allysha Binti Aminudin	21	Selangor	@dinaallysha_
6	Melissa Quek Ai Ying	20	Pulau Pinang	@xcmelaurell__
7	Nur Hailee Izzati Binti Mohd Azimzim	23	Perak	@hyeley
8	Malle Christian Anderson Barlus	24	Sabah	@millehchristian
9	Siti Nur Aishah Bee Binti Md Nor	22	Johor	@beeaishah_
10	Zafira Natasya Yong	21	Johor	@zafirayong
11	Wan Nurul Eiman Binti Wan Zulkifli	24	Kuala Lumpur	@emnwnzl
12	Kimberly Chuah	22	Kuala Lumpur	@kimberly.chuah
13	Noor Alyssa Binti Ahmad Azim	20	Kuala Lumpur	@alyssaazmi
14	Tracie Sinidol	21	Sabah	@traciesinidol_official
15	Nur Rasyiqah Johan	20	Pulau Pinang	@raasyiqa
16	Janani A/P Baskaran	24	Selangor	@jannybaskaran

Dengan menampilkan sokongan daripada jenama *Kinohimitsu* dan *WonderDewi by WonderLab* sebagai penaja bersama, pencarian Dewi Remaja 2022 bakal ditayangkan menerusi lapan (8) episod bermula 16 Julai, pada setiap hari Sabtu jam 9 malam di saluran Astro Ria.

Selain bertanding menerusi cabaran episod yang ditayangkan, 16 finalis terpilih juga bertanding dari aspek populariti menerusi undian peminat yang dibuka bermula 8 Julai 2022 sehingga ke malam finale kelak untuk mengetahui siapakah yang akan bergelar Dewi Favourite 2022. Undian boleh dilakukan pada setiap hari di laman web rasmi REMAJA di https://www.remaja.my/dewi/

Pertandingan Dewi Remaja 2022 merupakan kerjasama di antara Nu Ideaktiv Sdn Bhd selaku penganjur dan Astro Ria selaku penyiar rasmi. Siapakah yang bakal meneruskan legasi DEWI REMAJA yang disandang oleh juara musim lalu, Shaza Bae? Sama-sama kita nantikan pencarian Dewi Remaja 2022 bermula bulan Julai ini.

- **TAMAT** -

SENARAI PEMENANG PENCARIAN DEWI REMAJA

Tengku Anis Tengku Ismail (Dewi Remaja 1985/86)
Aleeza Kassim (Dewi Remaja 1987/88)
Jasmeen Kaur Dhillon (Dewi Remaja 1990/91)
Wan Khatijah Wan Othman (Dewi Remaja 1994/95)
Juliana Banos (Dewi Remaja 1997/98)
Annahita Bakavoli (Dewi Remaja 2002/03)
Scha Al-Yahya (Dewi Remaja 2005/06)
Noor Neelofa (Dewi Remaja 2009/10)
Raysha Rizrose (Dewi Remaja 2014/15)
Shaza Bae (Dewi Remaja 2019)

HASHTAG RASMI
#DewiRemaja2022
#DewiRemaja

Imbas kod QR bagi menggunakan filter Dewi Remaja 2022 di Instagram & Facebook

Facebook Filter :

Instagram Filter :

TENTANG NU IDEAKTIV
Nu Ideaktiv Sdn Bhd merupakan syarikat usaha sama di antara Astro dan Karangkraf yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 2018. Nu Ideaktiv berusaha dalam menyebarkan informasi melalui kandungan media digital yang penuh inspirasi dan menjadi salah satu jenama peneraju dalam media Malaysia.

TENTANG ASTRO
Astro Malaysia Holdings Berhad (Astro) merupakan syarikat peneraju kandungan dan hiburan pelbagai platform yang menawarkan perkhidmatan kepada 5.6 juta kediaman atau 71% isi rumah di Malaysia,

7,600 pengusaha perniagaan, 18.2 juta pendengar radio pada setiap minggu (FM dan digital), 11.3 juta pengunjung unik atas talian dan 3.2 juta pembeli merentasi TV, radio, digital dan platform dagangan. Kami menawarkan rakyat Malaysia dengan 3 perkhidmatan berbeza – Astro Pay TV, NJOI Prabayar dan sooka, OTT kami sendiri untuk golongan milenium; dan juga Astro Fibre, perkhidmatan internet terbaharu kami. Lebih daripada 600,000 kediaman telah strim kandungan hebat kami melalui 4K UHD Ultra Box dan HD Ulti Box kami yang boleh dipasang sendiri dan dijalankan pada kedua-dua satelit dan jalur lebar, bersama-sama *content-broadband bundles* kami. Sehingga hari ini, pelanggan kami menikmati penstriman sukan secara langsung dan rancangan TV serta filem popular daripada perkhidmatan penstriman global seperti Astro GO, HBO GO, iQIYI, Disney+ Hotstar, TVBAnywhere+ dan Netflix serta tontonan lebih daripada 11,000 jam kandungan asli tempatan dan Astro Originals yang kami hasilkan. Astro Radio, 'rumah' kepada rangkaian jenama radio yang merekodkan rating tertinggi dalam negara merentasi pelbagai bahasa, dan jenama digital kami termasuk SYOK, Gempak, Xuan, Ulagam dan AWANI menghubungkan rakyat Malaysia dengan sajian kandungan dan kisah-kisah menarik yang berlaku di sekeliling kita pada setiap hari. Go Shop, platform e-dagang dan pusat membeli belah dari rumah kami pula menawarkan pengalaman yang menyeronokkan serta menghiburkan, menepati kehendak gaya hidup rakyat Malaysia.

TENTANG MAJALAH REMAJA

Remaja merupakan sebuah jenama media yang didedikasikan untuk menyediakan kandungan inspirasi dan aspirasi bagi anak muda Malaysia selama lebih 38 tahun. Bermula sebagai majalah, kini jenama ini bertapak kukuh di dunia digital. Remaja adalah jenama yang mengupas tentang trend fesyen dan kecantikan, tip pendidikan & kerjaya, nasihat hubungan, perihal selebriti dan hiburan, peretasan hidup serta inklusif dengan pelbagai lagi informasi bagi para anak muda yang ingin meningkatkan gaya hidup mereka pada setiap hari.

PENAJA BERSAMA:

Kinohimitsu

Semua produk Kinohimitsu memiliki ekstrak semula jadi yang sangat penting untuk sistem semula jadi kawalan kendiri. Fokus utama Kinohimitsu adalah Detoks , kesihatan dan kecantikan yang berasaskan prinsip pendekatan holistik bagi menambahbaik kesejahteraan hidup manusia. Kinohimitsu juga menawarkan penggunaan produk semula jadi yang selamat dan berkesan. Kinohimitsu menambah baik kehidupan anda tanpa membuat sebarang tuntutan bagi masa dan tenaga anda, malah memberi anda kebebasan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik.
Untuk maklumat lanjut tentang Kinohimitsu, layari *my.kinohimitsu.com*

Kumpulan WonderLab

WonderLab Group adalah kumpulan korporat yang ditubuhkan untuk menyelia operasi semua jenama kecantikan dan kesejahteraan di bawah CUCKOO International (MAL) Sdn Bhd (CUCKOO International). Kumpulan itu menempatkan dua jenama dalaman utama, jenama WonderDewi dan jenama WonderLab, meletakkan dirinya sebagai penyedia penyelesaian kecantikan dan kesejahteraan holistik yang memenuhi keperluan dan kehendak pengguna yang semakin sofistikated dan pelbagai dalam segmen kecantikan dan kesihatan.

Untuk maklumat lanjut tentang Kumpulan WonderLab, lawati wonderlab.com.my atau layari halaman Facebook dan Instagram rasmi Kumpulan WonderLab *@WonderLabOfficial.*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Intan Srihana Daud
Ketua Jabatan Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6012 299 8317
Email : intan_srihana@ideaktiv.com

Rozaida Binti Hashim
Eksekutif Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6016 320 3413
Email : rozaida@ideaktiv.com